



MENARA
MRCB
@PUTRAJAYA



**PENERAJU
DESTINASI
KORPORAT
BERWAWASAN
DI PUTRAJAYA**

MERCU TANDA TERUNGGUL DI PUTRAJAYA

KASTAM
DIRAJA

MENARA
PUTRAJAYA
HOLDINGS
(PJH)

KEMENTERIAN
KEWANGAN

LEBUH
WAWASAN

PERSIARAN
PERDANA





Menara MRCB merupakan sebuah pusat pembangunan perniagaan yang terletak di antara dua nadi pentadbiran negara iaitu Presint 2 dan Putrajaya. Berdiri megah berdekatan dengan Pejabat Perdana Menteri dan terletak di koridor yang terkenal iaitu Greater KL/Klang Valley. Kerjasama yang bakal dijalinkan dengan persekitaran di Putrajaya juga akan memberi kemudahan yang tiada batasan dengan adanya Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Maju Expressway (MEX), Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan Lebuhraya Kajang-SILK.



SUASANA BEKERJA UNIK YANG DIKELILINGI PERSEKITARAN TAMAN DAN LAMAN SEBAGAI SUMBER INSPIRASI ANDA



Menara MRCB yang berkeluasan 1.84 ekar dengan keluasan lantai kasar berjumlah 526,075 kaki persegi akan tersedia untuk diduduki. Ianya telah direka khas untuk memenuhi citarasa golongan profesional dengan persekitaran yang mendamaikan hasil gabungan suasana kehijauan yang memukau, identiti senibina Malaysia yang unik dan kecanggihan teknologi terkini. Konsep landskap “vertical and surrounding landscape” telah dicipta untuk mengurangkan tekanan haba, melindungi pancaran matahari keterlaluan dan mengimbangkan perubahan cuaca yang tidak menentu di sekitar kawasan bangunan.



DEK TAMAN TERBUKA DENGAN PANORAMA INDAH IBUKOTA

Dalam usaha untuk muncul sebagai ikon mesra alam organik di Putrajaya, penekanan telah diberikan kepada usaha menghijaukan kawasan sekeliling dengan 3 landskap yang dirancang rapi: Laman tiba yang terletak di Aras Bawah mencipta kehijauan tersendiri kepada Menara MRCB dan di medan selera Aras 1 pula terdapat taman herba yang mewujudkan persekitaran yang menyegarkan. Sementara di Aras 7 pula, terdapat landskap taman tropika yang memberikan ketenangan dan keindahan ibukota kepada kakitangan yang sentiasa sibuk.



PELBAGAI KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN DIREKABENTUK UNTUK KESELESAAN PENGGUNA




Demi memastikan keselesaan setiap kakitangan, Menara MRCB telah menunjukkan keprihatinannya dengan menyediakan beberapa kemudahan seperti pusat asuhan harian kanak-kanak untuk ibubapa.

Di Tingkat 7 pula terdapat dewan serbaguna yang boleh digunakan untuk pelbagai majlis dan acara.

Bagi kakitangan yang mementingkan kesihatan dan penampilan diri, kemudahan bilik mandi/bilik persalinan dan parkir basikal yang mencukupi turut disediakan untuk mereka.

Dengan pelbagai kemudahan yang ada, Menara MRCB bakal muncul sebagai mercu tanda korporat di Putrajaya selaras dengan matlamat yang ingin dicapai.






PREMIS IDAMAN UNTUK GAYA HIDUP TERKINI

Beberapa pendekatan telah diambil untuk memastikan Menara MRCB adalah yang terbaik untuk semua kakitangan dan salah satu usaha ialah dengan pembinaan premis peruncitan 2 tingkat di bahagian bawah premis pejabat. Di sini terdapat konsep “al fresco cafes” iaitu kafe terbuka yang mengunjur ke kawasan taman sementara kedai runcit juga disediakan untuk mendapatkan keperluan seharian.

Ini adalah sebahagian daripada usaha dan kesungguhan kami bagi memenuhi gaya hidup terkini di Putrajaya dan seterusnya menjadikan pengalaman bekerja terbaik anda di sini.

PELAN ARAS 4-6

Jumlah keluasan keseluruhan lantai: 43,389.32 sf




nota

Aras 3—Tiada kawasan landskap


PELAN ARAS 7

Jumlah keluasan keseluruhan lantai: 25,693.45 sf



PELAN ARAS 8-12

Jumlah keluasan keseluruhan lantai: 22,754.90 sf



nota
Bilik jentera lif di Aras 8

RINGKASAN FAKTA

Pembangunan/Ciri-ciri Bangunan Secara Am

Perincian bangunan	Premis pejabat Gred A, 11 tingkat ruang pejabat, 2 tingkat untuk komersial dan 2 aras bawah tanah tempat letak kereta
Tarikh dijangka siap	Suku kedua 2018
Pengiktirafan mesra alam	GBI Gold

Spesifikasi dan Keluasan

Luas sewaan bersih	425,777 kaki persegi
Keluasan lantai komersial	69,794 kaki persegi
Keluasan lantai pejabat	355,983 kaki persegi
Ketinggian lantai ke lantai	4.0 m
Ketinggian lantai ke siling	2.75 m
Kapasiti memunggah lantai pejabat	2.5 KN/m ²

Kemudahan Tempat Letak Kereta

Jumlah tempat letak kereta	306 ruang parkir
----------------------------	------------------

Sistem Bekalan Elektrik

Bekalan janakuasa dan pengagihan	11kV/ 400V tambahan pengawalan automatik
Generator/keupayaan UPS, sekira ada	Set generator – 1 pada 1,250 kVA
Bekalan elektrik setiap tingkat	Bekalan kuasa setiap tingkat, 200 Amp – 300 Amp

Sistem Hawa Dingin dan Pengaliran Udara

Hawa dingin berpusat	Sistem VAV
Hawa dingin mengikut permintaan/keperluan	Ya

Sistem Telekomunikasi/Perhubungan

Kemudahan telefon (DATA SUARA)	2 panel kabel pembahagian fiber optic disediakan untuk data disetiap aras
--------------------------------	---

Sistem Elevator

Bilangan lif pengangkut	2 lif pengangkut parkir 4 lif penumpang dan 2 lif bomba Kelajuan lif : 1.75m/s -2.5 m/s
Bilangan eskalator	2 Kelajuan eskalator : 0.5 m/s

Jenis-jenis lif	Lif penumpang dan lif bomba dilengkapi dengan sistem kawalan akses dan sistem pemantauan berkamera.
-----------------	---

Sistem Kawalan dan Keselamatan

Sistem pengesanan dan kawalan	Sistem renjisan, Pancuran basah, Sistem gegelung paip, Sistem pengaliran gas, Alat mengesan asap dan Sistem memadam api mudahalaih
-------------------------------	--

Keselamatan dan pemantauan

Kawalan keselamatan terbaik seluruh bangunan	Sistem kamera pemantauan
Sistem kad akses	Sistem pengawal keselamatan iringan
Sistem kecemasan berpusat	Sistem pengurusan parkir


Kemudahan Penyewa dan Pelawat yang Berdaftar

Kemudahan	Dewan serbaguna (Aras 7) Surau (Aras 1) Pusat jagaan harian kanak-kanak (Aras 1) Pendaftaran pelawat di aras bawah Pintu berhalangan di lobi pejabat aras bawah Kawasan keselamatan semasa memuatnaik dan memunggah barang di kawasan bawah tanah Kad kemudahan untuk penyewa
-----------	---

Sistem Kawalan dan Keselamatan

Ciri-ciri bangunan mesra alam	Rekabentuk pencahayaan lampu jimat tenaga Pengesanan dan pengawalan lampu automatik di siang hari Pengesanan pergerakan untuk penjimatan elektrik Penapisan cahaya dan penapisan haba untuk mengurangkan tahap kepanasan Rekabentuk khas untuk keselesaan di siang hari Kadar VOC yang rendah dan tidak menggunakan urea formaldehyde untuk memelihara penguadaraan dalaman Kawalan dan pemantauan CO2 untuk memperbaiki mutu penguadaraan dalaman Landskap mesra alam di Aras 7 untuk mengurangkan pemanasan berpusat Program kitar semula barang buangan Tadahan air hujan untuk penggunaan landskap Tandas kawalan air terurus untuk mengurangkan penggunaan air Stesyen cas semula untuk kenderaan elektrik Kemudahan tempat meletak basikal, pancuran mandian dan laci persendirian Pusat pembelajaran mesra alam Sistem penyejatan air daripada alat penghawa dingin Taman herba Pencahayaan lampu LED
-------------------------------	--

PENAFIAN: Segala maklumat yang dipaparkan di dalam risalah ini termasuk susun atur, jumlah keluasan bangunan, sistem perkiraan dalam metrik mahupun imperial, spesifikasi dan perkiraan dalam metrik untuk setiap plan lantai hanyalah anggaran semata-mata dan sebarang perbezaan yang terdapat antara satu unit dan unit yang lain adalah tertakluk kepada perubahan yang dibuat tanpa notis. Beberapa langkah yang munasabah telah diambil untuk menyediakan/menerbitkan maklumat ini dengan itu pihak pemaaju tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perbezaan dan ketidaktepatan ketika merujuk kepada risalah ini.



PROJEK USAHASAMA



MRCB PUTRA SDN BHD (CO.NO.957681-M)

Level 30, Menara Allianz Sentral, No.203, Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral, P.O.Box 12640, 50470 Kuala Lumpur
+603 2718 1737 www.menaramrcb.com.my